

# Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK

Journal of Islam and Contemporary Society



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

## [OBJECTIVITY IN SOCIAL SCIENCE RESEARCH: COMPARISON OF POSITIVISM WITH ISLAMIC PERSPECTIVE]

### OBJEKTIVITI DALAM PENYELIDIKAN SAINS SOSIAL: PERBANDINGAN PERSPEKTIF POSITIVISME DENGAN PERSPEKTIF ISLAM

MOHD SYAHMIR ALIAS<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang.

\*Corresponding author: syahmir@usm.my

Received Date: 7 November 2018 • Accepted Date: 28 April 2018

#### **Abstract**

*Objectivity is an important concept in social science research, adapted from the natural science research. It stems from positivistic philosophy which view scientific research as value-free. The question is whether the concept of positivistic objectivity that emphasized empirical facts should be accepted in Islamic-based research? Is religious value judgment affect the objectivity of facts obtained by a researcher? Thus, this paper aims two important purposes. Firstly to study the concept of objectivity from the perspective of positivists and Muslim scholars. Secondly to compare those perspectives conceptually. Using content analysis method and comparison method, the paper discovered two important things in relation to the concept of objectivity. First, the concept of objectivity in research from the perspective of positivists and Muslim scholars has a few significant differences which are their principal element, their ultimate goal, their relationship with religion, their epistemological concept and critical process. Second, both perspectives share similar basic elements which is intellectual honesty and justice. Overall, the findings demonstrate that objectivity have an important account for both perspectives in doing research.*

**Keywords:** Objectivity, Research, Value-free, Islam, Social Science

#### **Abstrak**

Objektiviti merupakan konsep penting dalam penyelidikan sains sosial yang disesuaikan daripada penyelidikan sains tabii. Ia bertitik tolak daripada pandangan sarjana beraliran positivisme yang melihat penyelidikan sains sebagai suatu yang bersifat bebas nilai. Persoalannya, adakah konsep objektiviti positivisme yang mementingkan fakta empirikal semata-mata wajar diikuti dalam melakukan penyelidikan bertunjangkan Islam? Adakah pertimbangan nilai seperti nilai agama akan menjelaskan objektiviti fakta yang diperoleh oleh seseorang penyelidik? Justeru, makalah ini mengandungi dua tujuan penting. Pertama, meneliti konsep objektiviti dalam penyelidikan dari perspektif sarjana beraliran positivisme dan sarjana Islam. Kedua, membandingkan kedua-

dua pendapat dari segi konsepnya. Melalui kaedah analisis kandungan dan kaedah perbandingan, makalah ini menemukan dua perkara penting dalam konsep berkaitan objektiviti. Pertama, konsep objektiviti dalam penyelidikan dari sudut pandang positivisme dan Islam mempunyai beberapa perbezaan yang ketara iaitu dari aspek teras konsep objektiviti, matlamat utama, hubungan dengan nilai agama, epistemologi konsep dan proses terpentingnya. Kedua, walaupun berbeza, tidak dinafikan kedua-duanya mempunyai persamaan asas iaitu mengiktiraf elemen kejujuran intelektual dan keadilan. Secara keseluruhannya, perkara ini mempamerkan pentingnya objektiviti dicapai dalam penyelidikan sains sosial baik daripada pihak sarjana beraliran positivisme mahupun sarjana Muslim.

**Kata kunci:** Objektiviti, Penyelidikan, Bebas Nilai, Islam, Sains Sosial.

**Cite as:** Mohd Syahmir Alias. 2018. Objektiviti Dalam Penyelidikan Sains Sosial: Perbandingan Perspektif Positivisme dengan Perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 16(1): 1-10.

## PENDAHULUAN

Aliran positivisme merupakan paradigma yang dominan dalam penyelidikan sains fundamental di Barat (Mat Rofa Ismail, 2014). Paradigma ini mula menjadi model kajian sains sosial, khususnya di Amerika Syarikat dan negara-negara lain selepas tercetusnya Perang Dunia Kedua (Neuman, 2011). Menurut Bourdeau (2014) dan Howell (2013), paradigma positivisme yang diperkenalkan oleh Auguste Comte melalui penulisan beliau yang bertajuk *A General View of Positivism* pada tahun 1844 mula diterima secara meluas di Barat pada separuh kedua abad ke-19. Comte berpandangan bahawa penyelidikan dalam sains sosial perlu berasaskan pengamatan empirikal yang dapat ditaakul secara sebab dan akibat menggunakan perkaedahan saintifik (Babbie, 2013).

Selanjutnya pada abad ke-20 pula, perkaedahan yang mementingkan aspek teori dan aspek empirikal berasaskan pengaruh positivisme ini diteruskan pengajarannya dalam falsafah sains melalui paradigma positivisme logik (*logical positivism*) dengan tiga andaian utama. Pertama, eksperimen menjadi asas kepada pengetahuan. Kedua, susunan logik perlu diterokai dalam realiti fizikal dan sama sekali tidak melibatkan spekulasi metafizik. Ketiga, pembentukan teori dapat diinduksikan secara langsung melalui eksperimen-eksperimen yang dijalankan (Betz, 2011). Selaku tokoh positivisme dalam bidang sosiologi, Émile Durkheim mementingkan kaedah eksperimen bagi menjelaskan fenomena sosial dengan pengitlakan hukum sosial (*social laws*). Hal ini diambil daripada kaedah cerapan sains fizik yang kemudiannya menerbitkan hukum fizik (*physical laws*) (Bailey, 1982). Oleh itu, Berg dan Lune (2012) menyimpulkan bahawa positivisme pada hakikatnya menggunakan kaedah empirikal yang dipinjam daripada sains tabii bagi meneliti fenomena sosial.

Menurut Platt (1996), usaha untuk menyama ratakan sains sosial dengan sains tabii sememangnya disokong oleh tokoh-tokoh yang fanatik dengan sains atau digelar golongan saintisme. Bersama-sama dengan semangat sains, tema-tema seperti objektiviti, kebolehcerapan (*observability*), *operationalism*, *behaviourism*, bebas nilai (*value-free*), pengukuran, dan pengkuantitian (*quantification*) sentiasa dihubungkan dalam perbincangan paradigma positivisme. Dalam kepelbagaiannya tema perbahasan positivisme, objektiviti

merupakan konsep penting dalam penyelidikan sains sosial (Neuman, 2011; Babbie, 2013). Menurut Betz (2011), ia merupakan suatu konsep yang disesuaikan daripada penyelidikan sains tabii. Sungguhpun begitu, seseorang penyelidik sains sosial tidak dapat membebaskan nilai subjektiviti sepenuhnya ketika melakukan kajian yang berurus dengan pelbagai kelakuan manusia (Bierstedt, 1958). Hal ini kerana, Shmueli (1979) berpendapat bahawa isu objektiviti dalam sains sosial lebih mencabar berbanding dalam sains tabii.

Persoalannya, adakah konsep objektiviti positivisme yang mementingkan fakta empirikal semata-mata wajar diikuti dalam melakukan penyelidikan bertunjangkan Islam? Adakah pertimbangan nilai seperti nilai agama akan menjelaskan objektiviti fakta yang diperoleh oleh seseorang penyelidik? Justeru, makalah ini mengandungi dua tujuan penting. Pertama, meneliti konsep objektiviti dalam penyelidikan dari perspektif sarjana beraliran positivisme dan sarjana Islam. Kedua, membandingkan kedua-dua pendapat dari segi konsepnya. Perbincangan dalam makalah ini pula dibahagikan kepada empat bahagian. Pertama, perbincangan mengenai definisi objektiviti yang dimaksudkan dalam makalah ini. Kedua, penelitian mengenai konsep objektiviti dari perspektif falsafah positivisme. Ketiga, penelitian konsep objektiviti dari perspektif Islam. Keempat, perbandingan di antara kedua pendapat mengenai objektiviti dalam penyelidikan sains sosial.

## **DEFINISI OBJEKTIVITI**

Secara umumnya, Shmueli (1979) mendefinisikan objektiviti sebagai satu sifat atau keadaan yang diperlukan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan yang sahih. Manakala bagi Betz (2011) pula, objektiviti ditakrifkan sebagai ilmu pengetahuan tentang sesuatu objek yang bebas daripada pemikiran pemerhati. Secara lebih terperinci, Bierstedt (1958) mendefinisikan objektiviti sebagai:

“Objektiviti bermaksud kesimpulan yang dibina sebagai hasil daripada pencarian dan pengkajian yang bebas daripada kecenderungan pengkaji terhadap mana-mana kaum (bangsa), warna kulit, kepercayaan, pekerjaan, kewarganegaraan, agama, keutamaan moral dan politik. Sekiranya penyelidikan beliau adalah benar-benar objektif, ia semestinya bebas daripada unsur-unsur subjektif dan keinginan peribadi yang ada pada dirinya.”

Oleh itu, objektiviti dikira sebagai sifat ideal dalam satu-satu penyelidikan saintifik kerana setiap pernyataan, kaedah dan dapatan dalam sains seharusnya tidak dipengaruhi pandangan dan minat peribadi (Reiss & Sprenger, 2013). Secara kesimpulannya, Conill (2013) berpendapat bahawa objektiviti dapat dicapai melalui suatu pemerhatian secara serius dan penelitian dari pelbagai sudut pandang. Hal ini kerana kepelbagaian sudut pandang turut mencerminkan pengaruh pengalaman empirikal seseorang penyelidik. Hal ini selari dengan penegasan Hicks (2013) bahawa untuk mencapai objektiviti, penilaian perlulah bersandarkan kesedaran penyelidik tentang fakta-fakta yang wujud dan keterbukaan pemikiran penyelidik untuk menerima data baharu termasuklah data yang disukainya mahupun tidak disukainya.

## **KONSEP OBJEKTIVITI DARI PERSPEKTIF POSITIVISME**

Menurut Mirsepassi (2010), berdasarkan tafsiran sarjana beraliran positivisme, asas objektiviti tidak mempunyai hubungan kebenaran yang khusus dengan subjek metafizik. Hal ini kerana, objektiviti merupakan suatu pengiktirafan terhadap sains yang dikatakan tidak bias atau tidak menuruti kecenderungan mana-mana pengkaji. Sedangkan subjek metafizik atau sebarang kecenderungan akan membantutkan seseorang pengkaji daripada mencari atau menerima bukti berasaskan fakta empirikal (Rubin & Babbie, 2011). Oleh hal yang demikian, sains seringkali dikaitkan sebagai suatu ilmu yang hanya berhubung dengan fakta (Dupré, 2007). Maka, terdapatnya hubungan yang erat antara fakta dengan objektiviti. Ayer (1952) dalam mentakrifkan fakta menegaskan bahawa kriteria utama sesuatu pernyataan yang dianggap fakta perlulah boleh ditahkikkan (*verifiability*).

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan sesuatu fakta itu bersifat objektif, terdapat tiga peraturan yang perlu dipatuhi menurut Durkheim (1982). Pertama, seseorang pengkaji mesti mengetepikan semua prasangka secara sistematik. Kedua, subjek penelitian hanya perlu mencakupi sekelompok fenomena yang ditakrifkan terlebih dahulu melalui ciri-ciri luaran sepunya (*common external characteristics*) yang khusus dan semua fenomena yang sesuai dengan takrifan ini perlu diikut sertakan. Ketiga, apabila seseorang pengkaji sanggup menyelidiki setiap urutan fakta sosial, pengkaji itu harus berusaha untuk mempertimbangkannya dari sudut pandang sebagaimana mereka menampilkan diri yang terpisah daripada manifestasi peribadi.

Berdasarkan peraturan-peraturan Durkheim (1982) ini, fakta sosial dalam falsafah positivisme logik begitu bersifat luaran. Seperti yang dijelaskan oleh Lincoln dan Guba (1985), kaedah penyelidikan yang diperkenalkan oleh tokoh-tokoh positivisme logik memerlukan responden-responden untuk mengetepikan nilai-nilai kemanusiaan mereka. Walaupun Max Weber lebih menekankan perbezaan fakta dengan nilai pada peringkat perkara-perkara saintifik dan perkara-perkara bersifat politik (Cuff, Sharrock & Francis, 1998), namun beliau turut bersetuju dengan pandangan bahawa nilai tidak boleh dideduksikan daripada fakta (Kincaid, Dupré & Wylie, 2007).

Menurut Cuff, Sharrock dan Francis (1998), Weber pernah menegaskan bahawa ahli sains sosial hanya ditugaskan untuk melaporkan apa-apa perkara yang berlaku, tetapi mereka sama sekali tidak boleh menjustifikasi bagaimana sesuatu perkara itu sepatutnya terjadi. Oleh hal yang demikian, fakta seringkali disabitkan dengan pernyataan “*is*”, manakala nilai pula dikaitkan dengan pernyataan “*ought*” (Williams & May, 1998). Perkara ini seperti mana yang ditegaskan oleh Weber (1949) melalui pernyataan berikut:

“Kita semua sedia maklum bahawa sains yang kita fahami... pada permulaan berhubung kait dengan pertimbangan amalinya. Satu-satunya tujuan yang lazim tentang sains adalah untuk menyebelahi penilaian yang mengukur dasar ekonomi negara... Keadaan ini secara perlahan-lahan telah diubahsuai. Walau bagaimanapun, pengubahsuaian ini tidak dilakukan dengan suatu formulasi perbezaan yang logik antara ‘pengetahuan yang wujud’ iaitu ‘pengetahuan tentang apa-apa yang ada’ dengan ‘pengetahuan normatif’ iaitu ‘pengetahuan tentang apa-apa yang sepatutnya.’”

Rossi (1964) yang menyokong konsep objektiviti Weber juga bersepundapat dengan

Agassi (1974) dan Hicks (2013). Menurut Agassi (1974), sekiranya seseorang pengkaji melakukan penyelidikan dengan sudut pandangnya yang subjektif atau sebagai urusan persendirian semata-mata, maka kajian itu berkecenderungan mengetepikan segala kritikan orang dan perbahasan yang rasional serta menafikan keintellectualan kemanusiaan. Justeru, ia akan mengakibatkan berlakunya ketidakrasionalan dan sifat elitisme dalam masyarakat atau sifat perkauman. Hal ini setidak-tidaknya bakal menafikan salah satu elemen objektiviti yang ditekankan oleh Hicks (2013) iaitu kejujuran intelektual. Elemen kejujuran intelektual sebenarnya merujuk kepada suatu komitmen untuk mengiktiraf fakta tentang sesuatu perkara sebagaimana ia wujud.

Pada pandangan Rossi (1964), penerimaan terhadap konsep objektiviti adalah untuk menolak sifat subjektif yang ada pada pemikiran penyelidik agar penyelidik dapat memberikan pandangan yang neutral sewaktu menjalankan kajian. Walau bagaimanapun, dalam proses penyelidikan yang sebenar, pendekatan bebas nilai Weber untuk mencapai objektiviti tidak mencukupi. Oleh itu, Rossi (1964) mengemukakan batasan bagi mewujudkan sebarang hipotesis nilai (*value hypotheses*) iaitu melalui tiga syarat. Pertama, hipotesis nilai perlu dinyatakan dengan jelas agar peranannya dapat dikenal pasti oleh penyelidik lain dan juga dapat mengelakkan kekeliruan dengan fakta. Kedua, hipotesis nilai perlu digunakan sebagai hipotesis bekerja (*working hypotheses*) dan ditentusahkan dengan perkembangan proses penyelidikan secara tetap. Ketiga, hipotesis nilai boleh dijadikan sekadar pola penjelasan (*explanatory patterns*), malah ia boleh, sama ada dikekalkan atau ditolak menerusi pengalaman penyelidik-penyelidik lain.

## KONSEP OBJEKTIVITI DARI PERSPEKTIF ISLAM

Menurut Osman Bakar (1991), sarjana Barat telah menganggap pengetahuan empirikal sebagai satu-satunya pengetahuan yang objektif kerana boleh diakses dan ditentusahkan oleh ramai penyelidik. Walau bagaimanapun, konsep objektiviti dalam tradisi kesarjanaan Islam mempunyai pandangan alam (*tasawur*) yang berbeza. Sungguhpun sifat kesaksamaan, tidak berkepentingan dan keadilan diiktiraf sebagai elemen-elemen dalam objektiviti, namun elemen-elemen tersebut berasaskan kualiti penyelidikan dengan kespaduan dan kesedaran tauhid. Malah, Muhammad Syukri Salleh (2008) menambah sekiranya konsep objektiviti diambil daripada pemikiran sarjana Barat semata-mata, perkara tersebut boleh membahayakan pegangan akidah seseorang penyelidik Muslim. Hal ini kerana, pendekatan bebas nilai yang meletakkan kerasionalan sebagai sumber pengetahuan semata-mata dan objektiviti sebagai matlamat utama penyelidikan menafikan nilai-nilai Islam.

Perkara ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan Syed Muhammad Naquib al-Attas bahawa objektiviti dalam penyelidikan saintifik Barat memandang skeptik terhadap agama kerana agama dilihat sebagai perkara yang subjektif (Wan Mohd Nor, 2005). Oleh yang demikian, adalah wajar untuk meletakkan elemen kesedaran tauhid sebagai tunjang konsep objektiviti dalam Islam. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1989) berpandangan bahawa sikap dikotomi dalam tradisi penyelidikan saintifik Barat yang sebenarnya menolak elemen tauhid yang wujud untuk mencapai kebenaran dalam penyelidikan Islam. Hal ini kerana, kesedaran tauhid merupakan hal keagamaan dan metafizik yang dianggap tidak bersifat objektif atau dalam perkataan lain, dipengaruhi subjektiviti. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas

(1989) lagi, kebenaran merangkumi sifat objektif dan subjektif. Ia boleh dianalogikan dengan agama dan iman, kedua-duanya tidak sama tetapi saling memerlukan dan tidak boleh dipisahkan. Justeru, terdapatnya suatu perkaitan konsep yang penting di antara objektiviti sains dengan kesedaran agama (Osman Bakar, 1991).

Menurut Anis Malik Thoha (2009), objektiviti mempunyai kaitan dengan objek kajian dan kaedah yang digunakan ketika berhadapan dengannya. Malah dalam al-Qur'an, objektiviti ini dikaitkan dengan konsep keadilan dalam Islam. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam perkara yang kamu lakukan." (al-Ma''idah, 5:8)

Sayyid Quthb (2000) dalam menafsirkan ayat ini berpendapat bahawa konsep keadilan di dalam Islam perlu dikukuhkan dengan perkaitan tauhid kerana jiwa manusia seringkali mengarah kepada melakukan penyelewengan. Apatah lagi sekiranya perkara atau kelompok manusia yang diadili itu tidak disukainya. Maka Sayyid Quthb (2000) menegaskan individu Muslim perlu menegakkan keadilan kerana ketakwaan (takut kepada pandangan Allah SWT). Petikan ayat al- Qur'an ini juga turut dinyatakan oleh Khalif Muammar A. Harris dan Adibah Mukhtar (2008) bagi menjalankan konsep objektiviti yang hakiki dalam Islam. Hal ini kerana, keadilan dituntut dalam Islam dengan menyatakan sesuatu secara jujur dan berusaha untuk meneliti fakta sebenar bagi sesuatu permasalahan. Dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaualah orang itu kaya atau miskin kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng daripada keadilan. Dan jika kamu memutar belitkan keterangan ataupun enggan (menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan." (al-Nisa, 4:135)

Oleh itu, seseorang penyelidik yang bersifat objektif perlu lengkap dengan bukti dan hujah yang kukuh, tidak berat sebelah dan mengelakkan persangkaan terhadap objek kajiannya (Khalif Muammar & Adibah, 2008). Hal ini selaras dengan konsep objektiviti yang digunakan dan dijelaskan oleh sarjana-sarjana Islam seperti Ibn al-Haytham dan al-Biruni. Dalam Kitab al-Manazir, Ibn al-Haytham (1989) menyatakan:

"Setelah kami melakukan penyelidikan dan penaakulan secara berperingkat-

peringkat dan teratur, kritikan premis dan kesimpulan dibuat dengan berhati-hati – matlamat kami supaya setiap pengujian dan penyorotan terhadap sesuatu subjek dapat diadili, tidak mengikut prasangka serta mengambil kira perkara yang kami nilai dan kritik yakni yang dicari kebenarannya dan tidak terpengaruh dengan pendapat.” (Ibn al-Haytham, 1989)

Begitu juga dengan al-Biruni (1910) yang mempunyai pandangan objektivitinya yang tegas dalam mengkaji masyarakat beragama Hindu di India. Dalam Kitab fi Tahqiq ma lil-Hind min Maqulah Maqbubah fi al-‘Aql aw Mardhulah, beliau menegaskan:

“Saya tidak seharusnya menghasilkan hujah-hujah seperti orang-orang yang membenci iaitu untuk menyangkal semata-mata, kerana saya berkeyakinan mereka dalam kesalahan. Buku saya hanyalah suatu rekod fakta sejarah yang ringkas. Saya sepatutnya menyatakan kepada pembaca teori agama Hindu sebagaimana adanya, dan sepatutnya juga menyebut teori orang-orang Yunani bagi memperlihatkan hubungan yang wujud antara keduanya.” (al-Biruni, 1910)

Kedua-dua sarjana Muslim ini telah menunjukkan sikap yang tidak berprasangka dan mengikut tanpa usul periksa dalam pelitian mereka. Secara keseluruhannya, konsep objektiviti dalam falsafah Islam mempunyai perspektif yang tersendiri. Ia merupakan suatu penegasan yang membezakan di antara yang Mutlak (*Absolute*) dengan yang nisbi (*relative*) atau di antara Tuhan dengan yang selain daripada-Nya (Osman Bakar, 1991).

## **PERBANDINGAN OBJEKTIVITI PERSPEKTIF POSITIVISME DENGAN ISLAM**

Daripada kedua-dua perbincangan mengenai konsep objektiviti dari pespektif positivisme dan Islam, makalah ini dapat membandingkan kedua-dua perspektif tersebut. Perbandingan ini melibatkan aspek perbezaan antara keduanya dan persamaan. Walau bagaimanapun, terdapat lima aspek yang membezakan kedua-dua pandangan ini iaitu teras konsep objektiviti, matlamat utama, hubungan dengan nilai agama, epistemologi konsep objektiviti dan proses terpentingnya. Secara lebih khusus, perbandingan ini dijelaskan dalam Jadual 1:

Jadual 1 Perbandingan Konsep Objektiviti dalam Penyelidikan

Konsep Objektiviti	Perspektif Positivisme	Perspektif Islam
Perbezaan	1. Teras konsep	Berpaksikan dikotomi dalam penyelidikan
	2. Matlamat utama konsep	Mencapai objektiviti untuk diterima sebagai suatu kajian saintifik
	3. Hubungan konsep dengan keagamaan	Menolak peranan agama dalam penyelidikan kerana ia suatu perkara yang subjektif dan mewujudkan sentimen yang berat sebelah atau <i>bias</i>
	4. Epistemologi konsep	Pertimbangan akliah para sarjana sahaja
		Berpaksikan kepada kesatuan atau tauhid
		Mencapai objektiviti untuk menyingkap sifat ketuhanan ( <i>Divine quality</i> ) dalam kajian
		Meletakkan pandangan agama Islam sebagai aspek penting bagi mencapai objektiviti yang sebenar
		Pertimbangan akliah para sarjana berasaskan hujah wahyu

	5. Proses yang dipentingkan dalam konsep	Pengumpulan data – menerima data termasuklah data yang disukainya maupun tidak disukainya	Penganalisisan data – mengemukakan data secara jujur dan meneliti fakta sebenar bagi sesuatu permasalahan
<b>Persamaan</b>		Mengiktiraf elemen kesaksamaan, kejujuran, tidak berkepentingan dan keadilan dalam mengumpul data	

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa teras konsep objektiviti dalam perspektif falsafah positivisme ialah berpaksikan dikotomi fakta dan nilai dalam penyelidikan. Ia dilakukan bagi mencapai matlamatnya iaitu agar diterima sebagai suatu kajian yang saintifik oleh komuniti sains dan memberi implikasi bahawa agama tidak berperanan langsung dalam penyelidikan. Hal ini sama sekali berbeza dengan konsep objektiviti dalam Islam yang berteraskan konsep kesatuan atau tauhid iaitu mentauhidkan Allah SWT. Oleh itu, ia mengutamakan matlamat untuk menyingkap sifat-sifat Allah SWT seperti Maha Benar (*al-Haqq*) dan Maha Mengetahui (*al-'Alim*). Hal ini secara tidak langsung mengiktiraf agama ke dalam penyelidikan saintifik.

Dari segi epistemologi konsep objektiviti pula, falsafah positivisme meletakkan pertimbangan empirikal dan rasional semata-mata (Howell, 2013) sekali gus mementingkan aspek pengutipan data yang disukai maupun tidak. Berbanding dengan objektiviti dalam Islam, pertimbangan empirikal dan rasional adalah berasaskan hujah-hujah daripada al-Qur'an dan Hadith (Osman Bakar, 1991). Perkara ini memberi kesan terhadap mengutamakan penganalisisan data supaya para penyelidik menyatakan data secara jujur dan amanah kerana keterikatan Islam yang kuat dengan aspek kebenaran mutlak yang datangnya daripada Tuhan (al-Kahf, 18:29), bukan semata-mata daripada objek atau fenomena yang dikaji seperti yang difahami dalam perspektif positivisme.

Walau bagaimanapun, terdapat juga persamaan antara konsep objektiviti perspektif positivisme dengan perspektif Islam seperti kedua-duanya menerima nilai kesaksamaan, kejujuran, tidak berkepentingan dan tidak berat sebelah dalam pengutipan data. Namun, penerimaan nilai-nilai ini secara tidak langsung menafikan sifat bebas nilai yang diangkat oleh pendukung positivisme.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan yang dilakukan, dapat dirumuskan bahawa konsep objektiviti dalam penyelidikan dari sudut pandang positivisme dan Islam mempunyai beberapa perbezaan yang ketara. Antaranya dari sudut prosesnya iaitu dari perspektif positivisme objektiviti lebih dipentingkan dalam pengumpulan data, manakala dari perspektif Islam, ia signifikan dalam penganalisisan data. Hal ini disebabkan oleh keterikatan perspektif Islam yang kuat dengan aspek ontologi atau aspek kebenaran mutlak adalah daripada Tuhan, bukan semata-mata daripada objek atau fenomena yang dikaji seperti dalam perspektif positivisme. Sungguhpun begitu, tidak dinafikan kedua-duanya mempunyai persamaan asas iaitu mengiktiraf elemen kejujuran intelektual dan keadilan. Walau bagaimanapun, keadilan yang tidak didasari dengan ketakwaan kepada Tuhan yang Maha Esa tidak dapat dicapai dengan baik kerana tabii manusia yang seringkali terjatuh kepada berat sebelah. Secara keseluruhannya, perkara ini mempamerkan pentingnya objektiviti dicapai dalam penyelidikan baik daripada pihak sarjana

positivisme mahupun sarjana Muslim.

## RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim.
- Abdullah Muhammad Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Agassi, J.B. (1974). Objectivity in the Social Sciences. Dlm. Seeger, Raymond J. & Cohen, Robert S. (ed.). *Philosophical Foundations of Science*. Dordrecht-Holland: D. Reidel Publishing Company.
- Anis Malik Thoha (2009). Research note: Objectivity and the scientific study of religion. *Intellectual Discourse*, 17(1): 83-92.
- Ayer, A.J. (1952). *Language, Truth and Logic*. New York: Dover Publications, Inc.
- Babbie, E. (2013). *The Practice of Social Research*. United State of America: Wadsworth Cengage Learning.
- Bailey, K.D. (1982). *Methods of Social Research*. New York: The Free Press.
- Betz, F. (2011). *Managing Science: Methodology and Organization of Research*. New York: Springer Science+Bussiness Media.
- Bierstedt, R. (1957). *The Social Order: An Introduction to Sociology*. New York: McGraw Hill.
- al-Biruni, Abu Rayhan Muhammad Ibn Ahmad (1910). *Alberuni's India*. (Terj. Sachau, Edward C.). London: Kegen Paul, Trench, Trübner & Co. Ltd.
- Bourdeau, M. (2014). Auguste Comte Dlm. E. N. Zalta (Ed.), *The Stanford encyclopedia of philosophy*. Dicapai daripada <http://plato.stanford.edu/entries/comte/>.
- Caldas, J.C. & Neves, V. (2012). The Meaning of Objectivity: What Can We Learn from Robbins and Myrdal?. Dlm. José Castro Caldas & Vitor Neves (ed). *Facts, Values, and Objectivity in Economics*. London: Routledge.
- Carrier, M. (2013). Values and Objectivity in Science: Value-Ladenness, Pluralism and the Epistemic Attitude. *Science & Education*, 22(10): 2547-2568.
- Conill, J. (2013). The Philosophical Foundations of the Capabilities Approach. Dlm. Luetge, Christoph (ed.). *Handbook of the Philosophical Foundations of Business Ethics*. New York: Springer Science+Bussiness Media.
- Cuff, E.C., Sharrock, W.W. & Francis D.W. (1998). *Perspectives in Sociology*. New York: Routledge.
- Dupré, J. (2007). Fact and Value. Dlm. Kincaid, Harold, Dupré, John & Wylie, Alison (ed.). *Value-Free Science?: Ideals and Illusions*. New York: Oxford University Press.
- Durkheim, E. (1982). *The Rules of Sociological Methods*. (Terj. Halls, W. D.). New York: The Free Press.
- Hicks, S. (2013). Entrepreneurship and Ethics. Dlm. Luetge, Christoph (ed.). *Handbook of the Philosophical Foundations of Business Ethics*. New York: Springer Science+Bussiness Media.
- Howell, K.E. (2013). *An Introduction to The Philosophy Of Methodology*. London: SAGE Publications.
- Ibn al-Haytham, al-Hasan ibn al-Hasan (1989). *The Optics of Ibn al-Haytham, Book I-III: On Direct Vision*. (Terj. Abdelhamid I. Sabra). London: Warburg Institute, University of London.
- Khalif Muammar A. Harris & Adibah Mukhtar (2008). Objektiviti Menurut Perspektif Islam. *Kertas kerja Seminar Pengurusan Pembangunan Islam II: Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*, 6 Februari, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Kincaid, H., Dupré, J. & Wylie, A. (2007). *Value-Free Science?: Ideals and Illusions*. New

- York: Oxford University Press.
- Lincoln, Y.S. & Guba, E.G. (1985). *Naturalistic Inquiry*. California: SAGE Publications.
- Mat Rofa Ismail. (2014). *Mantik dan Etnomantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mirsepassi, A. (2011). *Political Islam, Iran and the Enlightenment: Philosophie of Hope and Despair*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mohd Syahmir Alias. (2015). *Ibn al-Haytham: Pelopor Konsep Penyelidikan Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Syukri Salleh (2008). *Kaedah penyelidikan berteraskan Islam: Keperluan, kedudukan dan hala tuju*. Pemikir, 54: 133-164.
- Myrdal, G. (1969). *Objectivity in Social Research*. New York: Pantheon Books.
- Neuman, W.L. (2011). *Social Research Methods, Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Osman Bakar (1991). *Tawhid and Science: Essays on the History and Philosophy of Islamic Science*. Pulau Pinang: Secretariat for Islamic Philosophy and Science.
- Platt, J. (1996). *A History of Sociological Research Methods in America, 1920-1960*. New York: Cambridge University Press.
- Reiss, J. & Sprenger, J. (2013). *Scientific Objectivity*.  
<http://laeuferpaar.de/Papers/Objectivity.pdf> (2 Jun 2014).
- Rossi, P. (1964). *Scientific Objectivity and Value Hypotheses*. *International Social Science Journal*, 17: 64-70.
- Rubin, A. & Babbie, E. (2011). *Research Methods for Social Work*. United States of America: Brooks/Cole.
- Sayyid Quthb (2000). *Tafsir fi Zhilalil-Qur'an: Di Bawah Naungan*. Jil. 3. (Terj. As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil & Muchotob Hamzah). Jakarta: Gema Insani.
- Shmueli, E. (1979). How is Objectivity in the Social Sciences Possible? A Re-evaluation of Karl Mannheim's Concept of 'Relationism'. *Journal for General Philosophy of Science*, 10(1): 107-118.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1989). *Islam and the Philosophy of Science*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (2005). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Muhammad Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Weber, M. (1949). *On the Methodology of the Social Sciences*. United States of America: The Free Press.
- Williams, M. & May, T. (1996). *Introduction to the Philosophy of Social Research*. London: UCL Press.